

MSM sasar eksport ke Afrika, China

Tarikh kemaskini: 26/06/2018



KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) – Pengeluar gula bertapis, MSM Malaysia Holdings Bhd, merancang mengeksport produknya ke negara Afrika dan China dalam tempoh terdekat ekoran saingan yang semakin meningkat dalam pasaran tempatan.

Pengerusinya Datuk Wira Azhar Abdul Hamid berkata syarikat itu yang memegang kepentingan majoriti dalam pasaran domestik, masih merangka strategi sama ada mahu menjadi pengeluar di pasaran asing atau hanya memberi perkhidmatan kepada pasaran terbabit dari Malaysia.

"Kami mendapati permintaan dari negara Afrika semakin meningkat manakala China merupakan pasaran tersendiri memandangkan ia sebelum ini dapat memenuhi permintaan tempatan, namun kini menjadi pengimport bersih gula," katanya kepada pemebrita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu

di sini hari ini.

Mengenai projek kilang penapisnya di Tanjung Langsat, Johor, Azhar berkata MSM kini dapat peringkat akhir penyiapan dan kilang itu akan sedia untuk pengeluaran pada Julai.

Pengeluaran di kilang penapis itu akan beransur-ansur mencapai kapasiti maksimum satu juta tan metrik dalam tempoh 24 bulan....

<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1474778>